

Intelek Islam diseru bersatu bantu kerajaan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menyeru para intelek Islam di negara ini bersepakat dalam usaha menolong Kerajaan merancang dan melaksanakan program pembangunan selari dengan lunas ajaran Al-Quran.

Bellau menegaskan, negara menghadapi

kekurangan tenaga kepakaran Islam dalam meningkatkan tahap kebahagiaan umat Islam dalam kedua-dua aspek pembangunan rohani dan jasmani.

"Usaha Kerajaan untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat yang miskin dan dhaif, sebahagian besarnya masyarakat Islam, adalah selaras dengan aja-

ran Al-Quran," tegas bellau ketika berucap diperasmian musabaqah Al-Quran peringkat Antarabangsa di Stadium Merdeka malam ini.

Perdana Menteri menyeru kepada umat Islam supaya bersama-sama menyahut usaha Kerajaan dengan mengambil bahagian dan memenuhi peluang meningkatkan taraf hidup mereka agar lebih terjamin masa hadapan dan jenerasi akan datang.

Katanya, tidak keterlaluan jika menyatakan bahawa hasrat seseorang Islam dalam mencapai kesenangan dan kemakmuran hidup di dunia adalah untuk membolehkan ia mengerjakan ibadat dan menjalankan hidup secara yang diredhai Allah dalam keadaan yang lebih selesa dan tenteram.

Datuk Seri Dr. Mahathir menganggap tema musabaqah tahun ini 'Kejayaan Dunia dan akhirat menurut Al-Quran' adalah sangat sesuai dengan keadaan negara ini.

Tema ini, melambungkan matlamat dan tujuan sebenarnya negara dan kerajaan yang sentiasa berusaha mengukuhkan kejayaan umat Islam dan seluruh rakyat di negara ini.

Bellau menekankan, musabaqah seperti ini bukan sahaja dapat mengeratkan semangat persaudaraan di kalangan masyarakat Islam di negara ini, juga merupakan satu jambatan semangat persaudaraan dan persahabatan di kalangan umat Islam dari berbagai negara yang menyertainya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia